

MANIPULASI HAJI ASHAARI MUHAMMAD TERHADAP SYEIKH MUHAMMAD AS-SUHAIMI **ASHAARI MUHAMMAD'S MANIPULATION OF SYEIKH MUHAMMAD AS-SUHAIMI**

Yusri Mohamad Ramli^{1*}

¹ Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, yusri_mr@ukm.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 05 Jul 2025

| Selepas Pembetulan: 21 Sept 2025

| Diterima untuk terbit: 28 Nov 2025

Abstrak

Tulisan ini menganalisis ideologi utama yang merupakan suatu manipulasi yang digunakan oleh Ustaz Haji Ashaari Muhammad terhadap para pengikutnya. Doktrin tersebut adalah dakwaan bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi tidak mati dan hanya bersembunyi dan bahawa ia akan kembali semula dari persembunyiannya sebagai Imam Mahdi. Walaupun pada masa kini, ia tidak lagi diwarwarkan secara meluas kepada awam berbanding pada era 1980-an dan 1990-an, namun ia diyakini masih menjadi pegangan utama kepada para anggota kumpulan ini yang kini dikenali sebagai entiti perniagaan, Global Ikhwan Services and Business Holding (GISBH). Manipulasi terhadap Syeikh Muhammad As-Suhaimi menjadi teras utama eksploitasi yang digunakan oleh Haji Ashaari ke atas para pengikutnya sejak dari zaman Al-Arqam, Rufaqa', dan seterusnya GISBH yang memberikan suatu pengharapan dan dorongan kepada kumpulan ini untuk terus bertahan dari generasi ke generasi.

Kata kunci

Al-Arqam, Darul Arqam, GISBH, Global Ikhwan, Rufaqa'

Abstract

This article is an attempt to analyze the main ideology manipulated by Ustaz Haji Ashaari Muhammad towards his followers. The doctrine is about the claim that Syeikh Muhammad As-Suhaimi did not die and is hiding somewhere and will come out one day as the Mahdi. Even though it may not be widely propagated as it was during the 1980s and 1990s, it is still the main belief adhered to by his devotees, who are now known for their business entity of Global Ikhwan Services and Business Holding (GISBH). The manipulation of Syeikh Muhammad As-Suhaimi is the major exploitation used by Haji Ashaari towards his sectarians from the times of Al-Arqam, Rufaqa', and then GISBH, which aspires and inspires them to perpetuate from generation to generation.

Keywords

Al-Arqam, Darul Arqam, GISBH, Global Ikhwan, Rufaqa'

1. Pengenalan

Pada 11 September 2024, Malaysia digemparkan dengan berita serbuan pihak berkuasa ke atas premis-premis rumah amal kendalian Global Ikhwan Services and Business Holding (GISBH) atas dakwaan eksploitasi dan pengabaian kanak-kanak serta pelbagai kesalahan jenayah lain (*Berita Harian* 2024). Global Ikhwan adalah suatu kumpulan perniagaan yang merupakan jelmaan semula kepada entiti yang wujud sebelumnya iaitu Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. yang diwujudkan setelah pengharaman pertubuhan Al-Arqam pada tahun 1994. Persoalan yang dapat ditimbulkan ialah kenapa isu mengenai kumpulan ini masih tidak berkesudahan sehingga berdekad-dekad lamanya? Segala tindak tanduk dan kegiatan GISBH yang mencurigakan adalah dapat dipercayai berakar umbi kepada idea yang menjadi ajaran terpenting yang ditanam kepada para pengikut al-Arqam, Rufaqa' dan juga GISBH iaitu mengenai Syeikh Muhammad As-Suhaimi yang telah meninggal dunia di Klang pada tahun 1925.

Syeikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi ialah ulama tasawuf terkenal di Alam Melayu khususnya di Malaysia, Singapura, Indonesia, dan Brunei. Beliau yang lahir di Wonosobo, Jawa Tengah pada tahun 1259H/1843M bersusur galur daripada keluarga Ba Syaiban yang banyak berdakwah di Alam Melayu. Keluarganya adalah dari kalangan pedagang. Setelah dewasa, beliau melanjutkan pelajaran di Mekah. Setelah kembali ke Tanah Jawa, beliau kemudiannya berhijrah ke Singapura sebelum akhirnya sekitar tahun 1900 menetap di Klang, Selangor. Syeikh As-Suhaimi sebagaimana lazimnya para keturunan Ba 'Alawi dikenali sebagai seorang yang berakidah Ahli Sunnah wal Jamaah dan telah berguru dengan tokoh-tokoh besar Ahlus Sunnah terkenal termasuk Sayyid Ahmad Zaini Dahlan, Sayyid Abu Bakri Shata, Syeikh Nawawi al-Bantani, dan Sayyid 'Abd Allah al-Zawawi. Sekembalinya dari Mekah, beliau giat berdakwah khususnya di Jawa, Singapura, dan Klang, di samping menghasilkan pelbagai karya yang kebanyakannya diterbitkan di Singapura termasuk *al-Futūḥah al-Ilahiyyah fi Bayān al-Ṭarīqah al-Ghazāliyyah* (1312H), *Ma'dan al-Asrār Jalīlat al-I'tibār* (1312H), *Risālat al-Qudsiyyah fi Ma'rifat Sifāt Allah bi al-Dalā'il al-Qur'aniyyah* (1319H), *Kitāb al-Dilālah fī Tahḥīr Adillat al-Qiblah wa al-Ahillah* (1319H), *Kitāb Nafahāt al-Ghabariyyah fi Qiṣṣat Mi'rāj Khayr al-Bariyyah* (1338H), dan *al-Nafahāt al-Miskiyyah fi Fadīlat Qirā'at Mawlid Khayr al-Bariyyah* (1343H). Beliau dikenali sebagai seorang yang alim dan soleh serta banyak membimbing umat Islam (Fadlullah As-Suhaimi 1981; Taha As-Suhaimi 1990; Md. Taha Suhaimi 1996; Wan Mohd. Saghir Abdullah 2005).

Syeikh Muhammad As-Suhaimi mempunyai enam orang anak. Anak beliau yang paling terkenal ialah yang kedua iaitu Syeikh Fadlullah As-Suhaimi juga adalah seorang ulama yang disegani yang banyak menyumbang kepada masyarakat khususnya dalam pendidikan dengan menjadi guru di Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura sebelum mengasaskan dan menjadi mudir pertama di Kulliyah al-Attas di Johor Bahru, di samping turut mengasaskan Madrasah al-Ma'arif di Wonosobo dan Madrasah al-Hidayah di Garut, Jawa Barat, Kulliyah al-Firdaus, Madrasah al-Ridhwan, dan Madrasah al-Ma'arif al-Islamiah di Singapura, dan Kolej Islam Malaya di Klang. Beliau juga pernah menjadi mudir dan kemudiannya nazir Maahad al-Muhammadi di Kota Bharu dan terlibat dalam penubuhan Madrasah Naim li al-Banat di Kota Bharu, dan Madrasah al-Kauthar di Pasir Puteh. Beliau kemudiannya menjadi mudir di Kulliah Al-Lughah Waddin As-Sultan Abu Bakar di Pekan, Pahang. Beliau turut sama mengasaskan Persatuan Guru Agama Singapura (PERGAS). Syeikh Fadlullah As-Suhaimi seperti ayahnya juga

menulis banyak karya termasuk *Kitab Pelajaran Tauhid* (1914), *Tarikh Islam* (1918), *Pedoman Kemuliaan Pada Mentafsirkan Qur'an* (1924), *Kitab Menyatakan Asas Mazhab Ahli Sunnah Wal 'Jamaah* (1926), *Kitab Tarikh Al-Qur'an* (1927), dan *Al-Qur'an dan Ulamak* (1931). Demikian juga segala keturunan Syeikh Muhammad As-Suhaimi lain yang dikenali sebagai yang kuat berpegang dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dan banyak berkhidmat kepada masyarakat dalam dakwah dan pendidikan (Abu Arabbi' 1990; Ni'mah Hj Ismail Umar 1994).

Walau bagaimanapun, Ustaz Haji Ashaari Muhammad merupakan pemimpin pertubuhan al-Arqam telah memanipulasikan ketokohan Syeikh Muhammad As-Suhaimi untuk kepentingan dirinya bagi mengangkat kedudukan dan reputasinya sebagai wakil kepada Syeikh As-Suhaimi yang didakwa sebagai masih hidup dan akan muncul kembali sebagai Imam Mahdi. Wan Mohd. Saghir Abdullah (2005) melihat bahawa ketokohan Syeikh Muhammad As-Suhaimi telah dinodai oleh pihak tertentu yakni al-Arqam sehingga mencalarakan namanya. Manipulasi yang dilakukan oleh Haji Ashaari Muhammad terhadap Syeikh Muhammad As-Suhaimi adalah sekaligus menyebarkan fitnah kepada tokoh pendakwah ini yang dikenali sebagai seorang Sufi yang dihormati masyarakat di Alam Melayu.

Haji Ashaari Muhammad dilahirkan pada tahun 1938 di Kampung Pilin, Rembau dan dididik oleh bapa saudaranya Lebai Wak Ibrahim bin Alias yang merupakan adik ipar dan murid Kiyai Syahid yang pernah berguru dengan Syeikh Muhammad As-Suhaimi. Melalui pendedahan sejak awal, Haji Ashaari sudah mula mengenali Syeikh As-Suhaimi. Haji Ashaari kemudiannya melanjutkan pelajaran di Ma'had Hishamuddin, Kampung Jawa, Klang. Ketika berada di Klang, Haji Ashaari mula mendekati dengan lebih dekat keluarga dan bekas murid-murid Syeikh As-Suhaimi terutamanya cucunya iaitu Muhammad Abdullah bin Muhammad Khairullah. Al-Arqam bermula sebagai suatu perkumpulan perbincangan agama atau halaqah usrah secara kecil-kecilan pada penghujung 1960-an sehingga ia berkembang pesat sedikit demi sedikit menjadi suatu pertubuhan yang besar dalam masa satu dekad (Ashaari Muhammad 1986; Nur Islam 1986; Abu Arrabi' 1988, Abdul Rahman Abdullah 1998; Farahwahida Mohd Yusof 2007).

Melalui manipulasi terhadap Syeikh Muhammad As-Suhaimi, telah menggunakan idea ini untuk mengeksploitasikannya kepada para pengikutnya supaya mendapatkan sokongan dan ketaatan mereka sehingga mereka menjadi kumpulan yang sangat menebal dengan sifat sekta, dogmatik serta kultus dan taasub kepada Haji Ashaari Muhammad yang lazim dipanggil Abuya. Idea utama yang dimanipulasikan ialah bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi tidak mati dan masih hidup serta beliau akan kembali menjadi Imam Mahdi.

2. Dakwaan Bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi Tidak Mati dan Masih Hidup

Asal-usul pandangan bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi belum benar-benar meninggal dunia dan masih hidup dapat dirujuk kepada buku *Manaqib Kiyahi Agung al-Shaykh Al-Sayyid Muhammad bin Abdullah Al-Suhaimi* atau juga dikenali sebagai *Manaqib Syeikh Muhammad As-Suhaimi* yang dihasilkan sekitar tahun 60-an oleh cucu sulung Syeikh Muhammad As-Suhaimi iaitu Syeikh Taha As-Suhaimi (1990). Pandangan ini kemudiannya turut dimuatkan dalam buku *Aurad Muhammadiyah*

Pegangan Darul Arqam karya Haji Ashaari Muhammad (1986). Syeikh Taha As-Suhaimi ialah anak sulung kepada Syeikh Fadlullah As-Suhaimi yang pernah menjadi Presiden pertama Mahkamah Syariah Singapura dan bekas mudir Madrasah al-Ma'arif al-Islamiyah.

Walau bagaimanapun, buku Syeikh Taha As-Suhaimi tersebut adalah suatu penerbitan semula kepada karya bapanya iaitu Syeikh Fadlullah As-Suhaimi yang adalah anak kedua Syeikh Muhammad As-Suhaimi. Karya bapanya itu juga berjudul *Manaqib al-'Arif Billah Kiyahi Agung Muhammad Suhaimi bin Abdullah al-Wanasabani Mawlidan al-Shaybani Nasaban al-Muhammadi Tariqatan wa Sulukan* dan ditulis dalam bahasa Jawa pada tahun 1349H bersamaan 1930M. Ia kemudiannya pernah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pada tahun 1981M oleh Masyhudi bin Hj. Ali. Namun, Syeikh Taha As-Suhaimi kemudiannya menghasilkan semula edisi baru *manaqib* berkenaan dengan terjemahan ke dalam bahasa Melayu dilakukan oleh Ramli bin Alias dan ditulis dengan tulisan jawi oleh Kamaruzaman bin Mohamad Zahab. Syeikh Taha As-Suhaimi menyuntingnya dengan melakukan pembaikan dan memasukkan beberapa penambahan. *Manaqib* versi baru tersebut kemudiannya turut ditulis dalam versi rumi. Buku ini diterbitkan beberapa kali di Singapura.

Karya *manaqib* atau riwayat hidup yang dihasilkan oleh Syeikh Taha As-Suhaimi tersebut mengandungi tambahan beberapa maklumat yang tidak ada dalam karya asal ayahnya itu. Ini dikatakan olehnya lanjutan daripada pertemuan Syeikh Taha As-Suhaimi dengan Syeikh Muhammad Khairullah As-Suhaimi iaitu bapa saudaranya dan anak ketiga Syeikh Muhammad As-Suhaimi yang menetap di Klang di samping ahli keluarga yang lain serta para pengikut datuknya yang lain di Klang, Johor, dan Singapura.

Sejarah hidup versi dari Klang tersebut kemudiannya dimuatkan oleh karya Haji Ashaari Muhammad (1986) dalam bab keempat bukunya *Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam*. Kedua-dua buku tersebut mengandungi pernyataan bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi rahimahullah masih hidup dan bahawa ia akan muncul kembali pada masa akan datang.

Antara yang termaktub dalam *manaqib* versi Syeikh Taha As-Suhaimi (1990: 55-57) dan yang juga dikutip dalam karya Haji Ashaari Muhammad (1986) ialah:

Setelah segala yang tersebut itu maka pada suatu hari Syeikh Suhaimi (hafizah-Ullah) telah memanggil setengah-tengah keluarganya dan beberapa orang murid-muridnya yang karib untuk berunding. Ia telah berkata kepada mereka bahawa masanya sudah sampai untuk ia "ghaib" daripada mereka. Tetapi ia bukan mati kerana ia akan kembali semula.

Selain daripada itu maka ia juga telah menerangkan kepada mereka tentang mengapa ia akan ghaib itu, kemana ia akan pergi, dan mengapa pula ia akan kembali semula; dan siapa ia akan jadi, dan lain-lain perkara lagi.

Dan ia berkata lagi bahawa siapa yang panjang umur akan melihat dan menjumpainya lagi. Kemudian Syeikh Suhaimi telah mengingatkan

mereka bahawa satu daripada tanda-tanda yang penting untuk mengenalkan dia apabila ia kembali semula nanti ialah sebiji tali-lalat hidup yang ada pada tempat yang tertentu dipipi kanannya, dan ia berpesan kepada mereka supaya jangan memberitahu kepada sebarang orang tentang tempat yang tepat bagi tali-lalat tadi kecuali kepada keluarganya dan murid-muridnya yang sudah lama dan tekun mengamalkan amalan-amalannya serta sudah nyata kejujurannya.

Maka oleh kerana ia tidak lama lagi akan “ghaib” itu padahal ia bukan mati dan akan kembali semula, iapun telah berunding dengan mereka yang hadir sebagaimana telah tersebut tadi tentang apakah cara yang baik sekali ia meninggalkan mereka. Adakah lebih baik ia pergi dengan menghilangkan dirinya begitu sahaja, ataupun ia pergi dengan meninggalkan sesuatu yang nampaknya sahaja sebagai jasadnya untuk menggantikan dirinya yang sebenar itu (iaitu dinampakkan sahaja seolah-olah ia mati)? .

Setelah berunding maka keputusan yang telah diambil ialah: Syeikh Suhaimi janganlah pergi dengan ghaib atau hilang begitu sahaja, kerana yang demikian itu boleh menimbulkan salah-sangka atau tuduhan dari orang ramai atau jiran-jiran atau lain-lainnya bahawa Syeikh Suhaimi boleh jadi sudah dibunuh atau dicolek atau sebagainya, dan ini pula pasti akan mendatangkan fitnah dan kesusahan dengan pihak polis. Dari itu maka yang eloknya ialah Syeikh Suhaimi pergi dengan meninggalkan sesuatu yang dinampakkan sebagai jasadnya untuk menggantikan dirinya yang sebenar itu.

Cerita-cerita mengenai bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi masih hidup kelihatannya asal-usulnya berlegar daripada kalangan pengikutnya di Klang sehingga kemudiannya turut mempengaruhi Syeikh Taha As-Suhaimi yang meriwayatkannya daripada bapa saudaranya Syeikh Muhammad Khairullah As-Suhaimi. Syeikh Taha As-Suhaimi kelihatannya cenderung untuk mempercayainya walaupun dengan berhati-hati dan tidak sepenuh yakin. Beliau mengatakan (1990: 182):

Bukanlah sesuatu yang mustahil Allah SWT boleh menentukan karamah pada As-Syeikh Mohd. Abdullah As-Suhaimi dengan cara nampaknya sahaja mati tetapi sebenarnya dia tidak mati.

Pandangan yang dikemukakan oleh Syeikh Taha As-Suhaimi bahawa ada kemungkinan cerita daripada bapa saudaranya dan para pengikut datuknya di Klang adalah benar adalah jelas bercanggah dengan *manaqib* asal yang ditulis oleh ayahnya Syeikh Fadlullah (1981: 60) yang jelas menyebut bahawa bapanya telah meninggal dunia pada hari Ahad 21 Rejab 1343H di Klang.

Justeru, cerita-cerita bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi tidak mati dan ghaib jelasnya berasal daripada Klang melalui beberapa keturunan dan para pengikutnya. Syeikh Muhammad Fadlullah As-Suhaimi yang adalah anak Syeikh Muhammad As-Suhaimi yang paling dikenali keilmuan dan ketokohnya tidak pernah menyebutkan hal berkenaan. Malah dalam *manaqib* asal tentang ayahnya yang

ditulisnya juga tidak terkandung tentang cerita ini. Hanya naskah suntingan dan tambahan oleh anaknya, Syeikh Taha As-Suhaimi yang kemudian terdapat beberapa cerita tambahan yang ia peroleh dari Klang. Walaupun Syeikh Taha As-Suhaimi mengambil pendirian yang objektif dan berhati-hati, namun ia cenderung untuk menerimanya. Namun, Haji Ashaari Muhammad sebaliknya mempercayainya dengan lebih yakin. Hal ini kemudiannya menjadi salah satu pegangan kontroversi Darul Arqam pimpinan beliau.

Adik Syeikh Fadlullah As-Suhaimi iaitu Muhammad Khairullah walaupun dikatakan sangat rapat dengan ayahnya semasa hayatnya di Klang dan sering berpuasa dan berkhilwah, namun tidak dikenali sebagai tokoh ilmuwan seperti abangnya itu. Demikian juga anaknya iaitu Muhammad Abdullah bin Muhammad Khairullah atau lebih dikenali sebagai Pak Mat Klang yang kemudiannya menjadi guru bagi Haji Ashaari Muhammad yang sebelumnya berguru dengan bapa saudaranya Lebai Ibrahim Alias.

Walaupun, perkara yang dilihat pelik dan ganjil yang bercanggah dengan adat dan hukum alam adalah tidak mustahil berlaku di dunia, namun umat Islam khususnya dan manusia umumnya seharusnya berpegang kepada fakta dan kenyataan secara nas dan akal berbanding sebarang andaian dan khabar angin. Kematian adalah suatu yang pasti dan kematian Syeikh Muhammad As-Suhaimi secara faktanya telah dan dapat dipastikan.

Setiap manusia pasti akan mati. Banyak ayat-ayat al-Quran menjelaskan mengenai hal ini, antaranya ialah firman Allah SWT dalam al-Quran (Ali 'Imran 3:185):

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ.

Maksudnya: Tiap-tiap yang bernyawa akan merasakan mati.

Firman-Nya lagi (al-Nisa 4:78):

أَيْنَمَا تَكُونُوا يُدْرِكَكُمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنْتُمْ فِي بُرُوجٍ مُّشِيدَةٍ.

Maksudnya: Di mana saja kamu berada, kematian akan mendapatkan kamu, kendatipun kamu di dalam benteng yang tinggi lagi kukuh.

Juga firman-Nya (al-An'am 6:61):

وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ وَيُرْسِلُ عَلَيْكُمْ حَفَظَةً حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَكُمْ الْمَوْتُ تَوَفَّتْهُ رُسُلُنَا وَهُمْ لَا يُفْعَلُونَ.

Maksudnya: Dan Dia lah yang mempunyai kekuasaan tertinggi di atas semua hamba-Nya, dan diutus-Nya kepadamu malaikat-malaikat penjaga, sehingga apabila datang kematian kepada salah seorang di antara kamu, ia diwafatkan oleh malaikat-malaikat Kami, dan malaikat-malaikat Kami itu tidak melalaikan kewajibannya.

Firman-Nya lagi (al-Sajadah 32: 11):

قُلْ يَتَوَفَّاكُم مَّلَكُ الْمَوْتِ الَّذِي وُكِّلَ بِكُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ تُرْجَعُونَ.

Maksudnya: Katakanlah: Malaikat maut yang yang diwakilkan untuk (mencabut nyawa)mu akan mematikan kamu; kemudian hanya kepada Tuhanmu lah kamu akan dikembalikan.

Lagi firman-Nya (al-Waqi'ah 56:60):

نَحْنُ قَدَرْنَا بَيْنَكُمْ الْمَوْتَ وَمَا نَحْنُ بِمَسْبُوقِينَ.

Maksudnya: Kami telah menentukan kematian di antara kamu dan Kami sekali-kali, tidak dapat dikalahkan.

Juga firman-Nya (al-Munafiqun 63:11):

وَلَنْ يُؤَخِّرَ اللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَاءَ أَجْلُهَا.

Maksudnya: Dan Allah sekali-kali tidak akan menangguhkan (kematian) seseorang apabila datang waktu kematiannya.

Dari sudut sejarah, kematian Syeikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi telah pun berlaku dan hal ini tercatat dalam sejarah hidupnya yang dirakam oleh anaknya, Syeikh Fadlullah As-Suhaimi (1981: 60) yang mencatatkan bahawa: “Kiyai Agung meninggal pada 21hb. Rejab bersamaan hari Ahad, 1343H di Klang, Selangor”. Namun, kenyataan ini telah diubah suai dalam edisi yang ditulis dengan tambahan oleh anaknya Syeikh Taha As-Suhaimi (1990) dan juga kutipan daripadanya oleh Haji Ashaari Muhammad (1986):

Tiada beberapa hari selepas rundingan yang tersebut itu maka Syeikh Suhaimi (hafizahullah) pun “meninggallah” di-Kampung Teluk Pulau, Kelang, Selangor, pada Ahad, 21 haribulan Rejab, tahun 1343 Hijrah, bersamaan dengan tahun 1925 Masihi, dan “ganti” Syeikh Suhaimi itu telah dikebumikan di-tanah perkuburan Kelang. Nyatalah boleh difaham daripada apa yang telah tersebut tadi iaitu perundingan yang telah tersebut itu bahawa Syeikh Suhaimi belum wafat.

Agak pelik jika Shaykh Fadlullah As-Suhaimi yang walaupun dikatakan jarang bersama ayahnya kerana berada di perantauan menuntut ilmu di luar negara tidak mengetahui atau sekurangnya tidak menyebutkan bahawa jenazah ayahnya telah hilang. Di samping itu, beberapa kisah lain yang diperolehi oleh Syeikh Taha As-Suhaimi (1990) daripada beberapa orang turut dicatatkannya sebagai bukti bahawa datuknya itu belum meninggal dunia. Ini termasuk cerita daripada Haji Mansor bin ‘Umar bahawa Kiyai Fadhli bin Syafi’i sewaktu pergi ke Pelabuhan Klang telah berjumpa dengan Syeikh Muhammad As-Suhaimi, lalu menyuruhnya pulang. Namun, ia melihat bahawa Syeikh As-Suhaimi telah meninggal dunia. Demikian juga kisah Kiyai Mustahab dan Wak Ismail

sewaktu pengebumian Syeikh As-Suhaimi yang dikatakan menemukan bahawa keranda Syeikh As-Suhaimi adalah kosong tanpa jenazahnya.

Demikian juga pernyataan Syeikh Khairullah As-Suhaimi, bapa Syeikh Taha As-Suhaimi (1990: 57) yang turut dinukil oleh Haji Ashaari Muhammad (1986) ialah:

Syeikh Khairullah bin Muhammad Suhaimi (anak lelaki yang ketiga bagi Syeikh Suhaimi) telah berkata walaupun Syeikh Suhaimi sudah “ghaib” tadi, tetapi bukti yang nyata tentang ia masih hidup itu ialah dari semasa ke semasa (tapi jarang-jarang) ia masih datang menjumpai atau menziarahi Syeikh Khairullah di Kelang, bahkan ia telah memberi satu ayat untuk diamalkan dan dibaca jika bila-bila penting hendak menjumpainya. Tetapi Syeikh Khairullah telah berkata bahawa di masa kemudian-kemudian ini Syeikh Suhaimi memberitahunya bahawa ia mungkin tidak boleh datang lagi kerana urusannya semakin bertambah dengan sebab masa ia kembali itu sudah semakin hampir.

Kesemua cerita-cerita yang diriwayatkan oleh Syeikh Taha As-Suhaimi tidak lebih sekadar cerita ajaib yang tidak membuktikan atau merumuskan apa-apa. Walaupun ada kemungkinan ia menunjukkan kepada kemuliaan dan kewaliannya jika kisah-kisah itu benar, namun ia sebaliknya menimbulkan lebih banyak kemusykilan dan keraguan akan kisah-kisah tersebut. Namun, Syeikh Taha As-Suhaimi (1990) cenderung untuk membuat kesimpulan membenarkan dakwaan bahawa datuknya itu masih hidup dan tidak meninggal dunia. Namun Haji Ashaari Muhammad (1986) pergi lebih jauh kerana riwayat-riwayat ganjil yang dicatatkannya dengan menjadikannya sebagai ideologi utama al-Arqam.

Mengenai pertemuan secara rohani dengan orang yang telah meninggal dunia tidak menunjukkan bahawa ia tidak mati. Disamping *thabitnya* hadis-hadis sahih mengenainya, banyak riwayat oleh para ulama yang dipercayai tentang peristiwa sebegini seperti mimpi berjumpa Nabi SAW yang dialami oleh Syeikh Abu al-Hasan ‘Ali bin Hirzihim dalam kisah kritiknya terhadap kitab *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* karya Imam al-Ghazali sehingga disebut oleh Nabi SAW (al-Subki 1964, Jil. 6: 218-219, 258-260), mimpi Imam al-Suyuti bertemu Rasulullah SAW dan membacakan sebahagian hadis dalam Kitab *Jam’ al-Jawāmi’* atau *al-Jāmi’ al-Kabīr* kepada Baginda SAW (al-‘Aydarus 2001: 91), mimpi Imam Abu Nu’aym al-Isfahani yang bertanyakan Nabi SAW tentang selawat Imam Shafi’i (al-Sharbini 1997, Jil. 1: 442) yang kesemuanya menunjukkan pertemuan secara rohani dengan yang telah meninggal dunia tidak mustahil berlaku dan tidak menunjukkan bahawa seseorang itu masih hidup. Justeru adalah berkemungkinan besar pertemuan dengan Syeikh As-Suhaimi yang diceritakan oleh beberapa orang adalah pertemuan secara rohani dan bukan secara jasmani seperti layaknya seseorang yang masih hidup.

Berasaskan pola cerita-cerita yang diriwayatkan, maka adalah jelas bahawa ia adalah salah faham dan kekeliruan tentang kematian Syeikh Muhammad As-Suhaimi yang akhirnya menjadi suatu kepercayaan yang disebar-sebarkan. Agama Islam tidak menghalang untuk sesiapa untuk memberikan pandangan. Namun, sesuatu pandangan yang hanya berasaskan sangkaan atau khabar yang tidak disertai bukti sahih, serta tertolak oleh fakta zahir dan hujah yang lebih kukuh serta meyakinkan, wajar

ditinggalkan. Lebih-lebih lagi sekiranya pandangan sedemikian berpotensi menimbulkan kegemparan sosial dalam kalangan masyarakat, sehingga menyebabkan kekeliruan dan kegelisahan yang akhirnya memberi implikasi negatif terhadap kestabilan agama dan kesejahteraan masyarakat.

Tambahan pula, dalam sejarah Islam, dakwaan bahawa “seseorang yang diterima ramai telah mati tetapi sebenarnya tidak mati, sebaliknya ghaib” adalah sangat lazim dengan golongan Syiah khususnya Syiah Imamiyah. Ini termasuklah beberapa dakwaan mereka bahawa Saidina ‘Ali RA tidak mati dibunuh oleh ‘Abd Allah bin Muljam. Tetapi yang dibunuh ialah orang lain yang miripnya. Manakala Saidina Ali RA pula telah diangkat ke langit dan akan turun pada suatu hari. Dakwaan yang seumpamanya juga dikaitkan dengan al-Hasan bin ‘Ali al-Zaki, Muhammad bin ‘Ali al-Baqir, Ja’far al-Sadiq, Musa al-Kazim, ‘Ali al-Taqi, dan Muhammad bin Hasan al-‘Askari yang dikatakan tidak mati tetapi ghaib (al-Jilani 1996, Jil. 1: 124-127; al-Razi 1982: 53-56; Ibn Khaldun 1996: 196-197).

Berdasarkan fakta-fakta yang tersedia, dapat disimpulkan dengan jelas bahawa pandangan yang menyatakan Syeikh Muhammad As-Suhaimi telah wafat dan telah dikebumikan adalah lebih sahih dan kuat untuk diterima. Dakwaan yang mengatakan beliau masih hidup tertolak sama sekali berdasarkan kepastian tentang kewafatannya, yang disokong dengan bukti kewujudan kubur beliau di Tanah Perkuburan Simpang Lima, Klang — tidak jauh dari kediamannya di Teluk Pulai, Klang.



Gambar Kubur Syeikh Muhammad As-Suhaimi di Tanah Perkuburan Simpang Lima, Klang tertera tarikh 1343(H) & 1925(M)

Apatah lagi, kuburannya di Tanah Perkuburan Simpang Lima, Klang turut bersemadi di sisinya dan berhampirannya, ahli keluarga, saudara dan keturunannya yang lain. Justeru, jika jenazah yang dikebumikan di situ bukan jenazah beliau, maka agak pelik jika keluarganya ingin mengebumikan ahli keluarga mereka di situ.



Gambar kubur ahli keluarga Syeikh As-Suhaimi berdekatan dan dalam binaan yang sama dengan kubur Syeikh As-Suhaimi di Tanah Perkuburan Simpang Lima, Klang

Andaian bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi tidak mati dan masih hidup adalah amat berkait dengan dakwaan bahawa beliau ialah Imam Mahdi yang akan muncul di Akhir Zaman.

3. Dakwaan Bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi Akan Kembali Sebagai Mahdi

Pandangan bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi masih hidup dan ghaib serta tidak mati juga secara asasnya menjurus kepada untuk menyokong pandangan bahawa beliau adalah Imam Mahdi sebagaimana terkandung dalam *manaqib* versi Syeikh Taha As-Suhaimi (1990) dan juga buku *Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam* tulisan Haji Ashaari Muhammad (1986). Cerita-cerita ajaib tentang Syeikh Muhammad As-Suhaimi terutamanya tentang bahawa ia tidak mati dan masih hidup serta akan kembali akhirnya menyebabkan beberapa pihak khususnya Al-Arqam dengan yakin mempercayai dan menyebarkan dakwaan bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi ialah Imam Mahdi, walaupun mereka sendiri dan sumber asal mereka yakni Syeikh Taha As-Suhaimi serta daripada Syeikh Muhammad Abdullah yang kedua-duanya mengambilnya daripada Syeikh Muhammad Khairullah dan para pengikut tarekat Muhammadiyah sama ada di Klang atau Singapura tidak dapat mengesahkannya secara pasti. Dalam erti kata lain ia adalah andaian atau sangkaan semata-mata.

Syeikh Taha As-Suhaimi (1996) meriwayatkan daripada saudaranya, Syeikh Khairullah As-Suhaimi bahawa ia telah diberitahu oleh ayahandanya, Syeikh Muhammad As-Suhaimi, bahawa: "Ia telah diberitahu oleh Majlis wali-wali Allah bahawa Majlis itu telah melantik (menentukan) Syeikh As-Suhaimi itu ialah Imam Al-Mahdi "yang ditunggu" itu". Hal ini turut diungkapkan oleh Haji Ashaari Muhammad (1986). Syeikh Taha As-Suhaimi menerima dan tidak menolak kemungkinan bahawa datuknya ialah Imam Mahdi. Beliau mengatakan (1990: 184): "Maka saya berani *bertawaqquf* yakni tidak menolak khabar yang menyatakan bahawa As-Syeikh As-Suhaimi itu masih hidup dan adalah Imam Al-Mahdi". Beliau juga turut menyebutkan: Syeikh As-Suhaimi itu tidak mustahil dan tidak karut akan zahir sebagai Imam Al-Mahdi yang ditunggu itu (Md. Taha Suhaimi 1996).

Haji Ashaari Muhammad yang terpengaruh dengan *manaqib* tersebut walaupun berulang kali (1986) menyatakan bahawa ia tidak memaksakan kepercayaan ini kepada para pengikutnya, namun realitinya ia telah mendorong mereka kepadanya sehingga memotivasikan mereka untuk menurutinya. Beliau menyatakan (1986):

Bagaimanapun pendirian saya itu bukanlah pendirian Jemaah Darul Arqam. Sebab soal siapa Imam Al Mahdi itu bukan soal penting di dalam *Aurad Muhammadiyah*. Bukannya apabila mengamalkan *Aurad Muhammadiyah* itu, kena tentukan siapa Imam Al Mahdi. Sebab itu perkara ini saya tidak pernah syarahkan. Dan 99% ahli-ahli Jemaah Darul Arqam tidak mengetahui tentang perkara ini, sebab *manaqib* itu memang sukar untuk dijumpai. Bukanlah saya hendak menyembunyikan atau menyorokkannya tetapi memang ianya tidak perlu diberitahu. Tidak ada kena mengenanya *Aurad Muhammadiyah* dengan siapa Imam Mahdi itu. Dan lagi tidak ada sangkut paut perjuangan Jemaah Darul Arqam dengan siapa Imam Al Mahdi. Perjuangan Jemaah Darul Arqam ialah untuk menegakkan kalimah Allah (kalimatullah), bukan hendak menjadi tentera Imam Al Mahdi. Siapa yang mendakwa bahawa ahli-ahli Jemaah Darul Arqam menyakini bahawa Syeikh Tariqatnya sebagai Imam Al Mahdi dan ahli-ahli Jemaah Darul Arqam itu sendiri sebagai tentera Imam Al Mahdi, dakwaan itu adalah suatu dusta yang amat besar.

Haji Ashaari Muhammad (1986) dalam keadaan tidak mahu “mengajarkan” kepada para pengikutnya, beliau sebaliknya cuba meyakinkan hal ini dengan menyebutkan:

Khabar yang mengatakan bahawa Asy Syeikh As Saiyid Muhammad bin Abdullah As Suhaimi Rahimahullah Taala tidak mati (masih hidup) bukanlah saya reka-rekakan. Para pembaca tentu sudah membaca akhbar *New Sunday Times* hari Ahad tanggal 13hb. Julai 1986. tentang pengakuan Ustaz Muhammad Thoha Suhaimi bahawa Asy Syeikh As Saiyid Muhammad bin Abdullah As Suhaimi Rahimahullahu Taala adalah bakal Imam Al Mahdi. Katanya, datuknya itu tidak mati. Sebenarnya bukan Ustaz Muhammad Thoha Suhaimi sahaja yang bercakap demikian. Saya telah menemui ramai orang-orang tua (ahli zikir dan ‘abid) yang hidup sezaman dengan Asy Syeikh As Saiyid Muhammad bin Abdullah As Suhaimi Rahimahullah Taala, (yang satu sama lain tidak kenal mengenal) yang melihat sendiri fizikal dan karamah-karamah yang dicapainya.

Walaupun Haji Ashaari Muhammad (1986) menjelaskan bahawa ia pada peringkat awal sukar untuk menerima pandangan bahawa Syeikh As-Suhaimi tidak mati dan akan menjadi Imam Mahdi. Haji Ashaari banyak kali menyatakan pendiriannya itu yang tidak meyakinkannya dan tidak juga mengajarkannya kepada pengikut al-Arqam, khususnya setelah pendedahan oleh beberapa pemimpin al-Arqam yang dipecat pada tahun 1979 (Bahagian Hal Ehwat Islam 1991: 7). Namun Haji Ashaari Muhammad (1986) kemudiannya walaupun dikatakan *bertawaqquf* terhadap apa yang ia baca dan dengar daripada beberapa pengikut Syeikh As-Suhaimi, cenderung untuk menerimanya.

Dengan memberi beberapa alasan kejadian seumpamanya dalam sejarah seperti Nabi Isa AS, Ashab al-Kahf dan sebagainya, beliau merumuskan: “Atas dasar itulah maka saya berani *tawaqquf* yakni tidak menolak khabar yang menyatakan bahawa Asy Syeikh As Saiyid Muhammad bin Abdullah As Suhaimi Rahimahullahu Taala itu masih hidup dan adalah Imam Al Mahdi”. Pegangan Haji Ashaari Muhammad meningkat untuk lebih mempercayai apabila beliau terbaca pandangan dalam sebuah buku yang mengatakan telah bertemu dengan Imam Mahdi dan sebuah buku lain yang mengatakan bahawa Imam Mahdi sudah lahir dan hidup di dunia. Haji Ashaari Muhammad (1986) menyatakan:

Maka cerita Ustaz Muhammad Thoha Suhaimi itu jadi makin hampir kepada kebenarannya. Sebab Asy Syeikh As Saiyid Muhammad bin Abdullah As Suhaimi Rahimahullahu Taala itu mempunyai nama dan sifat-sifat serta keturunan sama seperti Al Imam Mahdi yang dikatakan di dalam hadis (tentang Al Mahdi). Atas dasar itu, ringan hati saya untuk mempercayai apa yang Ustaz Muhammad Thoha Suhaimi katakan.

Retorik pemujukan berhati-hati Haji Ashaari Muhammad (1986) dilihat sangat eksploitatif melalui kenyataannya:

Tetapi seandainya apa yang saya percayai ini tidak benar (masih Imam Al Mahdi palsu) saya belum bersalah. (Dan Jemaah Darul Arqam pun tetap akan berjalan seperti biasa). Sebab orang yang berjihad terhadap sesuatu perkara yang khilafiah, sekalipun tersalah (ijtihadnya) bukan sahaja tidak berdosa, malah akan memperolehi satu pahala. Demikian pendirian peribadi saya terhadap khabar yang menyatakan Asy Syeikh As Saiyid Muhammad bin Abdullah As Suhaimi Rahimahullahu Taala masih hidup. Tetapi ini bukanlah sekali-kali pendirian Jemaah Darul Arqam. Saya tidak memaksa pengikut-pengikut saya (ahli-ahli Jemaah Darul Arqam) untuk mengikuti saya di dalam soal kecil ini.

Hal yang sama juga terkait dengan *Aurad Muhammadiyah* iaitu wirid-wirid yang disusun oleh Syeikh As-Suhaimi yang dilihat berbeza dengan apa yang diamalkan oleh Haji Ashaari Muhammad (1986) yang mengambilnya daripada Muhammad Abdullah bin Muhammad Khairullah As-Suhaimi dengan beberapa tambahan yang tidak pernah ada khususnya hadiah kepada Syeikh Muhammad As-Suhaimi yang dirujuk sebagai Imam Mahdi dan diri Haji Ashaari Muhammad yang digelar sebagai al-Tamimi atau Pemuda Bani Tamim selaku pembantu Imam Mahdi. Agak bercanggah kenyataannya bahawa ia tidak “mengajarkan” ideologi bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi ialah Imam Mahdi dan dalam masa yang sama mendidik para pengikutnya berwirid mengakui beliau sebagai Imam Mahdi. Apatah lagi Syeikh Taha As-Suhaimi sendiri yang menjadi salah satu rujukan Haji Ashaari Muhammad di samping mewakili PERIPENSIS yang adalah persatuan bagi pengamal tarikat Muhammadiyah di Singapura sendiri tidak begitu mengiktiraf Al-Arqam yang dilihat mengamalkan dan mengembangkan aurad dan tarikat ini (*Berita Harian* 1994, 29 Oktober; Md. Taha Suhaimi 1996).

Walaupun pernyataan seseorang sebagai Imam Mahdi bersifat pandangan *furu'* yang tidak membawa kepada keguguran akidah dan ia boleh sama ada diterima atau ditolak. Namun pandangan yang terbina atas kekeliruan, cakap-cakap, dan kepercayaan

semata-mata adalah wajar ditolak. Justeru, apabila segala kekeliruan telah diperjelaskan berasaskan kaedah ilmu yang sahih dan bukti yang diyakini, maka segala usaha untuk mewar-warkan lagi pandangan berkenaan akan menimbulkan kekeliruan yang berpanjangan dalam kalangan masyarakat. Ajaran Ahlus Sunnah amat menekankan bahawa sebarang hukum dan ketetapan ke atas manusia hendaklah berasaskan keterangan, hujah, dan bukti yang jelas dan tidak berasaskan sangkaan, dakwaan, dan andaian. Adalah jelas dalam banyak hadis-hadis yang direkodkan bahawa al-Mahdi akan muncul secara pasti tanpa sebarang kesangsian pada Akhir Zaman dan menjadi kewajipan bagi Muslim untuk mengikutinya.

Dakwaan *raj'ah* atau seseorang manusia akan hidup dan muncul kembali adalah sangat sinonim dengan ajaran Syiah. Tokoh besar aliran Syiah, al-Shaykh al-Saduq menyebutkan bahawa kepercayaan Syiah terhadap *al-raj'ah* adalah suatu perkara yang nyata yang beralih kepada beberapa kisah. Antaranya cerita Israilliyyat mengenai para penduduk sebuah kampung yang dilanda wabak yang kemudian mati dan dihidupkan semula; kisah Nabi 'Uzayr AS yang mati dan dihidupkan semula; kisah pengikut Nabi Musa AS yang dihukum mati oleh Tuhan kerana menyembah patung lembu dan kemudian dihidupkan semula; Nabi Isa AS yang mati disalib dan dihidupkan semula; dan juga kisah Ashab al-Kahfi (Fyzee 1942: 62-65).

Adalah tidak dinafikan bahawa Allah SWT berkuasa untuk menghidupkan semula makhluk-Nya yang telah mati di dunia sebagaimana sabitnya *al-ba'th* yakni kebangkitan manusia pada Hari Kiamat. Namun peristiwa-peristiwa hidupnya semula manusia selepas mati di alam dunia yang disebutkan dalam al-Quran adalah termasuk dalam perkara *khariq al-'adah* dan bukan suatu yang lazim berlaku. Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari (1990: 119) menjelaskan bahawa mazhab Syi'ah khususnya aliran Rafidah yakni Imamiyyah atau Imam 12 amat mempercayai kepada konsep kembalinya manusia yang telah mati ke dunia sebelum Kiamat. Konsep *raj'ah* atau reinkarnasi dalam ajaran Syiah ini dijustifikasikan dengan apa yang telah berlaku kepada beberapa nabi dan orang-orang soleh kalangan Bani Isra'il pada zaman dahulu seperti Nabi Uzayr AS, Ashab al-Kahf dan sebagainya. Justeru menurut ajaran Syiah, umat Islam juga harus berlakunya sedemikian.

Imam Shah 'Abd al-'Aziz al-Dahlawi (1373H: 200-203) menjelaskan bahawa mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah berpegang bahawa manusia yang telah mati tidak akan kembali hidup semula di dunia sebelum Hari Kiamat. Sementara golongan Syiah Imamiyyah atau Syiah Imam 12 dan beberapa mazhab Syiah yang lain berpandangan bahawa boleh berlakunya *raj'ah* yakni kembali hidup semula setelah kematian atau reinkarnasi bagi sebahagian manusia yang telah mati. Ini termasuklah menurut mereka, Nabi Muhammad SAW, Ahli Bait, dan para Imam Syiah. Malah musuh-musuh Ahli Bait seperti Khulafa al-Rashidin, khalifah-khalifah Bani Umayyah juga akan dihidupkan kembali untuk dihukum semasa munculnya Imam Mahdi. Kepercayaan Syiah ini jelas bercanggah dengan al-Quran. Malah, *raj'ah* adalah perkara yang mustahil pada akal dan adalah kepercayaan yang buruk dan batil.

Demikian juga dakwaan-dakwaannya kemahdian yang telah berlaku banyak kali dalam kalangan umat Islam. Berdasarkan catatan sejarah, kesemua dakwaan-dakwaannya bahawa seseorang itu ialah al-Mahdi adalah jelas batil dan tertolak. Di samping percanggahan yang nyata dengan perkhbarannya hadis mengenainya, para ulama Ahli

Sunnah menolak seluruh dakwaan tersebut yang terkait dengan perkumpulan-perkumpulan berunsur keagamaan yang menyeleweng daripada ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah dan berunsur politik yang menggunakan sentimen kemahdian bagi meraih sokongan. Antaranya yang termasyhur ialah dakwaan daripada golongan Syiah Imamiyah atau Imam 12 bahawa Muhammad bin al-Hasan al-'Askari (879-948M) ialah Imam Mahdi yang kini sedang bersembunyi sebelum keluar pada Akhir Zaman (al-Mufid 1995, Jil. 2: 339-388; al-Kulayni 2007, Jil. 1: 329-343; al-Majlisi 1983, Jil. 51-53).

Hal ini adalah jelas berpunca daripada ketaasuban golongan Syiah Rafidah khususnya Syiah Imamiyah terhadap Saidina Ali RA dan keturunannya dan penolakan terhadap kepimpinan para Khulafa al-Rashidin bermula dengan Saidina Abu Bakar RA dan para khalifah yang seterusnya dengan pegangan bahawa kepimpinan adalah berasaskan wahyu dari Tuhan, sekaligus bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah bahawa kepimpinan adalah berasaskan pilihan daripada manusia (al-Ash'ari 1955: 133-136; 2009, Jil. 1: 33-34; t.th.: 71-74; al-Baghdadi 2002: 310-311; al-Juwayni 2009: 328-330; al-Ghazali 2003: 172-174).

Pandangan Syiah Imamiyah bahawa Muhammad bin Hasan al-'Askari tidak mati, tetapi ghaib dan akan muncul sebagai Imam Mahdi ditolak oleh jumhur ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah termasuk al-Hafiz Abu Nu'aym al-Isfahani (1987: 66-78, 116-121), Imam 'Abd al-Qahir al-Baghdadi (1988: 56-60), Imam al-Shahrastani (1992, Jil. 1: 163-166), Imam Fakhr al-Din al-Razi (1982: 55), Syeikh Ibn Khaldun (1996: 195-197), al-Muhaddith Shah Abdul Aziz Dehlavi dan al-Sayyid Mahmud Shukri al-Alusi (1373H: 22-23), Imam Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi (1990: 76), dan Dr. Abu al-Wafa al-Ghanimi al-Taftazani (1979: 83-88), di samping turut ditolak oleh Syeikh Ibn Taymiyyah (1968, Jil. 4: 86-102) dengan pelbagai hujah termasuk keraguan tentang kelahiran Muhammad anak kepada Hasan al-'Askari, dakwaan keghaiban dengan alasan keadaan zaman yang zalim dan belum bersedia untuk menghadapi peperangan yang tidak berasas, dakwaan *raj'ah* atau kembalinya beliau daripada keghaiban atau kematian yang tidak berasas, penggunaan dalil al-Quran dan al-Sunnah yang tidak tepat, pemalsuan hadis-hadis, tiadanya ijmak atau kesepakatan para ulama mengenai sabitnya ia sebagai Imam Mahdi malah sebaliknya ijmak yang menolaknya, dan pelbagai hujah-hujah lain.

Dakwaan al-Mahdi turut dikemukakan oleh Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Tumart (1080-1130M), pemimpin kerajaan Barbar al-Muwahhidun di Andalus dan Maghrib terhadap dirinya dan turut menjadi gelaran rasmi bagi dirinya. Malah dakwaan ini turut dikaitkan dengan nasab dirinya, kemaksuman dirinya, dan pelbagai ayat al-Quran dan hadis, serta cerita-cerita tentangnya yang digunakan bagi mewajarkan kepimpinannya dan mengangkat kedudukannya (Ibn al-Qattan 1990: 61-62, 87-100, 123-129; Ibn Khallikan 1977, Jil. 5: 45-55; Ibn Khaldun 2004, Jil. 1: 262). Dakwaan kemahdian tersebut jelas dilihat sebagai suatu usaha untuk menarik sokongan politik terhadapnya bagi menjatuhkan kerajaan al-Murabitun dan mengukuhkan kerajaan al-Muwahhidun pimpinannya.

Individu-individu lain yang turut terkait dengan dakwaan sebagai Imam Mahdi dan ditolak oleh para ulama Islam ialah 'Ali Muhammad Shirazi al-Bab (1819-1850M) yang mengasaskan ajaran Babisme (Browne 1891, Jil. 2: 290-295; 1910: xxiii-xxv; 329-330, 1918: 337-338); Mirza Ghulam Ahmad (1835-1908M) yang mengasaskan ajaran Ahmadiyah atau Qadiani yang turut mendakwa dirinya sebagai al-Masih (Mirza Bashir-

ud-Din 1924: 2-5, 34, 35, 82; Muhammad Ali 2008: 27-45; t.th.: 17-23); dan Muhammad bin 'Abd Allah al-Qahtani (1935-1980M), salah seorang pemimpin gerakan anti Saudi, Ikhwan yang terbabit dalam penawanan Masjid al-Haram pada penghujung tahun 1979 (Berger 2006; Trofimov 2007).

Apa yang jelas seluruh dakwaan tersebut berpaksi kepada andaian yang berasaskan sangkaan, bisikan, dan kepercayaan serta bertujuan untuk meraih sokongan ramai yang akhirnya menatijahkan penyelewengan, kegemparan, dan kekacauan. Menurut Abdul Rahman Abdullah (1998: 141-142), Haji Ashaari Muhammad yang meyakini bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi dalam membesar-besarkan keagungan Syeikh As-Suhaimi, secara tidak langsung bererti turut mempropagandakan diri Haji Ashaari Muhammad sendiri. Hal ini diperkukuh dengan penyataannya sendiri sebagai dipilih oleh Syeikh As-Suhaimi sebagai pemimpin yang akan mewarisinya (Ashaari Muhammad 1989: 84):

Ada seorang tua (Kiyai Mahmud – masih hidup) umurnya lebih kurang 89 tahun (yang hidup sezaman dengan Syeikh Muhammad bin Abdullah As Suhaimi waktu itu) diberitahu oleh Syeikh Suhaimi, “Bahawa akan berlaku suatu waktu nanti selepas saya tidak ada, Jemaah Muhammadiyah akan lemah, tapi dikuatkan semula oleh seorang yang bernama Ashaari Muhammad” Enam puluh tahun Syeikh Mahmud menunggu, untuk melihat betulkah ramalan Syeikh Muhammad bin Abdullah As Suhaimi itu. Bila beliau bertemu Darul Arqam (Jemaah Aurad Muhammadiyah) lebih kurang 5 tahun dulu, dilihatnya saya (Ashaari Muhammad) yang memimpin. Maka pada beliau, terbuktilah kata-kata Syeikh Muhammad bin Abdullah As Suhaimi. Jadi beliau pun menceritakanlah apa yang didengarnya dari mulut Syeikh Suhaimi itu.

Tidak hanya sebagai pengganti kepada Syeikh As-Suhaimi, bahkan ia berkembang kepada sebagai penolong dan wakil kepada Imam Mahdi dengan Haji Ashaari Muhammad menggap dirinya sebagai pemuda dari Bani Tamim yang muncul dari Timur sebelum kedatangan Imam Mahdi sebagaimana disebut dalam hadis-hadis mengenai Akhir Zaman. Keyakinan sebegini akhirnya dimanipulasi oleh Haji Ashaari Muhammad untuk dieksploitasikan kepada para pengikutnya yang bersemangat untuk menyiapkan diri menjadi tentera-tentera Imam Mahdi. Apatah lagi dengan pelbagai kejayaan dalam pelbagai bidang termasuk perniagaan yang dikecapi oleh al-Arqam meningkatkan lagi keyakinan para pengikutnya bahawa mereka adalah golongan terpilih sebagai pengikut Imam Mahdi atau Asoib dari Timur. Keyakinan Haji Ashaari Muhammad adalah beitu tinggi sekali sehingga lama kelamaan ia bukan lagi tentang Syeikh As-Suhaimi yang tidak muncul-muncul, malah semakin terarah kepada sosok Haji Ashaari Muhammad sendiri sebagai Pemuda Bani Tamim yang akan memimpin kebangkitan Islam di Timur (Abdul Rahman Abdullah 1998: 142-144).

4. Fatwa Mengenalinya

Pandangan bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi tidak mati dan bakal menjadi Imam Mahdi ini juga telah termaktub dalam pelbagai fatwa di Malaysia yang terkait dengan Al-Arqam serta bahan-bahan yang menjadi rujukan utama bagi organisasi ini yang diketahui

mempopularkan pandangan tersebut sebagaimana dijelaskan sendiri oleh Haji Ashaari Muhammad dalam *Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam: Sekaligus Menjawab Tuduhan* (1986), dan *Berhati-hati Membuat Tuduhan* (1989). Karya-karya pengikut al-Arqam yang lain termasuk *Panduan Membina Empayar Islam Di Asia Tenggara* (1991) oleh Abdul Halim Abbas turut memuatkan keyakinan serupa.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) pada tahun 1986 telah memutuskan pandangan hukum bahawa Buku *Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam, Sekaligus Menjawab Tuduhan* oleh Ashari Muhammad hendaklah ditahan penyebarannya kerana ia mengandungi ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan syariat Islam dan mengelirukan masyarakat Islam. Perincian kepada hal ini dibukukan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam pada tahun 1986 dengan judul *Penjelasan Terhadap Buku Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam* (Bahagian Hal Ehwal Islam 1991). Selaras dengan ini, buku *Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam* kemudiannya dikenakan perintah larangan oleh Kementerian Dalam Negeri pada 24 November 1988 (P.U. (A) 417).

Jawatankuasa Fatwa MKI sekali lagi memutuskan pada tahun 1994 hal yang sama di samping tambahan buku *Manaqib (Riwayat Hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi*, karya Syeikh Mohamad Taha As-Suhaimi bahawa kedua-duanya mengandungi ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan akidah dan syariat Islam serta mengelirukan dan boleh menyesatkan masyarakat Islam. Turut sama diharamkan ialah Kumpulan Darul Arqam atau Al-Arqam yang berpegang kepada kedua-dua buku berkenaan. Pihak Jawatankuasa Fatwa MKI turut menggesa terhadap pengeluaran fatwa peringkat negeri. Fatwa berkenaan sekaligus membawa kepada pengharaman Al-Arqam secara menyeluruh di samping dikenakan perintah larangan terhadap buku *manaqib* terbabit pada 29 September 1994 (P.U. (A) 366).

Beberapa negeri termasuk Wilayah Persekutuan (1988), Pahang (1988 & 1994), Terengganu (1988, 1994 & 1995), Perak (1994), Selangor (1994), Sabah (1994), Kedah (1994), Sarawak (1994), Melaka (1994), Negeri Sembilan (1994) telahewartakan fatwa bahawa buku dan kandungan *Manaqib (Riwayat Hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi* yang ditulis oleh Syeikh Mohamad Taha As-Suhaimi dan yang ditulis oleh pihak-pihak lain dalam semua bahasa di samping buku *Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan* yang ditulis oleh Haji Ashaari Muhammad adalah diharamkan kerana kandungannya mengandungi ajaran dan fahaman yang bertentangan atau bercanggah serta merosakkan akidah dan syariat Islam serta mengelirukan dan menyesatkan masyarakat Islam.

Dari sudut perincian salah satu sebab pengharaman tersebut adalah meliputi sebagaimana termaktub dalam *Penjelasan Terhadap Buku Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam* (Bahagian Hal Ehwal Islam 1991) dan fatwa negeri Terengganu (1988) iaitu menentukan bahawa Syeikh Muhamamd As-Suhaimi tidak mati dan akan kembali sebagai Imam Mahdi. Oleh yang demikian melalui fatwa-fatwa berkenaan, orang Islam dilarang daripada memiliki, menyimpan, menerbitkan, mencetak, menjual, mempamerkannya untuk dijual atau dipertunjukkan, menyebarkannya, membahagi-bahagikannya, mengedarkannya atau mana-mana bahagian daripadanya atau mengamal ajaran dan fahaman tersebut.

Di Indonesia pula, walaupun Nahdlatul Ulama (NU) memfatwakan pada tahun 1994 bahawa pegangan Al-Arḳam tidak bercanggah dengan Ahlus Sunnah, namun Majelis Ulama Indonesia (MUI) sebaliknya memfatwakan juga pada tahun 1994 bahawa ajaran Al-Arḳam adalah ajaran yang menyimpang daripada akidah Islam, selaras dengan fatwa yang telah dibuat oleh beberapa MUI peringkat daerah Sumatera Barat, Sumatera Selatan, dan Riau serta keputusan Komisi Fatwa MUI. Dari satu sudut, pandangan yang dikeluarkan NU adalah terhad kepada beberapa perkara dan tidak menyentuh mengenai pandangan bahawa Syeikh As-Suhaimi masih hidup dan akan menjadi Imam Mahdi.

Polemik ini sekali lagi mendapat perhatian pihak berkuasa agama di Malaysia sedekad kemudiannya apabila Al-Arḳam cuba dihidupkan semula melalui Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd yang membawa kepada pandangan hukum oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-75 pada tahun 2006 bahawa ajaran-ajaran Rufaqa' bagi mengharamkan ajaran, pegangan, dan fahaman kumpulan ini yang sama dengan Al-Arḳam dan bercanggah dan menyeleweng daripada ajaran Islam Ahli Sunnah wal Jamaah termasuk mempercayai bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi sebagai Imam Mahdi. Hal ini disusuli dengan pengeluaran oleh Melaka (2006), Sarawak (2006), Terengganu (2006 & 2007), Wilayah Persekutuan (2007), Johor (2007), Kedah (2007), Pulau Pinang (2007), Sabah (2007), dan Negeri Sembilan (2016).

Manakala dalam perkembangan terbaru, Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-125 yang bersidang pada 24 hingga 26 September 2024 telah mengeluarkan pandangan hukum mengenai fahaman yang didoktrinkan oleh GISBH merangkumi dakwaan bahawa Syeikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi ialah Imam Mahdi, kemunculan Ustaz Asaari bin Muhammad bersamanya sebagai pembantu Imam Mahdi dan turut boleh memberi syafaat kepada pengikutnya. Di samping itu, air basuhan anggota badan pemimpin dan air rendaman seperti rambut dan janggut pemimpin dianggap mempunyai berkat. Begitu juga amalan ekonomi *ma'ash* berunsur perhambaan yang mana keperluan pengikut ditanggung sepenuhnya oleh syarikat dan sebagai balasan, mereka dikehendaki berkhidmat secara sukarela tanpa sebarang upah. Demikian juga amalan *Aurad Muhammadiyah* atau zikir agung yang telah difatwakan sesat. Pengeluaran fatwa ini disusuli dengan tindakan oleh pihak berkuasa agama negeri termasuk Perlis, Selangor, dan Pahang yang turut mengeluarkan fatwa baharu terhadap GISBH sebagai menyeleweng dalam akidah, syariat dan akhlak Islam. Manakala beberapa negeri lain kekal menggunakan fatwa lama yang sedia ada terkait al-Arḳam dan Rufaqa' (Malaysia 2024; *Berita Harian* 2024).

Perkembangan semasa turut memperlihatkan bahawa cabaran ajaran sesat pada masa kini menuntut pembaharuan yang bersepadu merangkumi kepakaran, penyiasatan, perisikan, teknologi, perundangan, dan sebagainya (Siti Aishah Samudin & Amer Basyer Mohd Zaim 2025: 56-82). Demikian juga proses *istitabah* dan pemurnian akidah yang perlu ditambah baik supaya bekas pengikut kumpulan ajaran sesat tidak kembali kepada ajaran lama yang menyeleweng (Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah et al. 2023: 1-8).

5. Kesimpulan

Menurut siasatan Jabatan Agama Islam Selangor, GISBH masih menantikan kemunculan Syeikh Muhammad As-Suhaimi, dan apatah lagi kini ditambah pula dengan turut sama menantikan Haji Ashaari Muhammad yang dianggap sebahagian pengikut GISBH masih hidup (*Kosmo* 2024). Semua keparahan akidah ini adalah bertitik tolak daripada manipulasi oleh Haji Ashaari Muhammad terhadap Syeikh Muhammad As-Suhaimi yang telah meninggal dunia di Klang pada tahun 1925 melalui dakwaan bahawa ia sebenarnya tidak mati, masih hidup bersembunyi dan akan muncul kembali pada masa akan datang sebagai Imam Mahdi. Ideologi ini lah yang dieksploitasi dan ditanam dalam benak fikiran para pengikut al-Arqam, Rufaqa' dan Global Ikhwan.

Pandangan sebegini juga adalah suatu perkara yang terbukti memudaratkan ketenteraman masyarakat awam khususnya melalui propaganda dan penyebaran ajaran atau fahaman tersebut yang jelas salah, menyeleweng, mengelirukan serta bahkan mempersendakan agama Islam. Ia juga jelas bercanggah dengan akidah, hukum dan pegangan mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah. Pandangan yang berasaskan cerita-cerita khurafat, misteri dan mistik yang bertentangan dengan kepercayaan akidah agama Islam ini juga memudaratkan kepentingan awam. Pegangan palsu, tidak berasas, dan menyalahi fakta ini turut menggemparkan fikiran orang ramai apabila ia diperbesar-besarkan, digembar-gemburkan, sehingga menimbulkan kekeliruan, kegelisahan, dan salah faham kalangan masyarakat. Sudah tiba masanya, ideologi ini dihancurkan dan dileburkan buat selama-lamanya setelah banyak peluang sama ada kedua dan ketiga diberikan.

Kepercayaan yang menghantui masyarakat Malaysia berdekad-dekad lamanya adalah suatu pandangan yang bercanggah dengan manhaj ilmu dan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah serta wajar di jauhi. Apatah lagi telah banyak fatwa dikeluarkan mengenai pandangan kontroversi ini. Ideologi Mahdiyyah atau Mahdisme dan Masihiyyah atau Messianisme di samping gagasan kebangkitan atau revivalisme Islam sering menjadi asas utama kumpulan-kumpulan ajaran sesat yang menjadi daya retorik untuk menarik sokongan. Apa yang jelas, pegangan sebegini lazimnya berpaksi kepada salah faham dan kekeliruan atau salah faham yang sengaja ditimbulkan untuk mengelirukan. Ia juga lazim dikaitkan dengan pandangan yang terbina berasaskan ketaasuban terhadap seseorang tokoh yang diikuti. Di samping unsur kesalahfahaman dan ketaasuban, dakwaan-dakwaan sebegini berdasarkan sejarah-sejarah lalu juga sering dikaitkan dengan sentimen untuk mengukuhkan sokongan perkumpulan agama ataupun politik yang lazimnya bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah.

Kekeliruan yang membelenggu Syeikh Muhammad As-Suhaimi sejak sekian lama ini khususnya tentang bahawa beliau tidak mati dan bakal menjadi Imam Mahdi tidak wajar diperpanjangkan lagi dan dipropagandakan untuk mempengaruhi para pengikut GISBH dan orang ramai. Ia seharusnya ditutup sehabis-habisnya dengan menegakkan pandangan dan pendirian yang benar secara fakta dan kaedahnya menurut akidah Ahli Sunnah wal Jamaah. Dengan demikian segala fitnah yang menimpa tokoh Sufi ini dapat diluruskan dan tidak pula sebaliknya menyebar luaskan fitnah berkenaan dan berterusan memanipulasikannya untuk kepentingan diri atau kumpulan tertentu. Semoga peristiwa yang berlaku pada penghujung tahun 2024 dan berakhir pada

penghujung tahun 2025 baru-baru ini benar-benar mengakhiri perkara ini, sekaligus menginsafkan dan mengembalikan semua yang terlanjur ke pangkal jalan.

Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan semua pihak yang menyokong kajian ini.

Rujukan

- Abdul Halim Abbas. (1991). *Panduan Membina Empayar Islam Di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Penerbitan Hikmah.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Arabbi'. (1988). Kiyai Samuri dan Khalifah-Khalifah Aurad Muhammadiyah. *Al-Arqaam* 8(6).
- Abu Arabbi'. (1990). Syeikh Muhammad Fadhulullah Menentang Belanda dan Wahabi. *Imam* 6(1): 44.
- Aizat Sharif. (2024). Perlis fatwakan ajaran GISBH sebagai sesat. *Berita Harian*, 20 September.
- al-Ālūsī, al-Sayyid Maḥmūd Shukrī. (1373H). *Mukhtaṣar al-Tuḥfah al-Ithna 'Ashariyyah*. Sunt. Muḥibb al-Dīn al-Khaṭīb. Kaherah: al-Maṭba'ah al-Salafiyyah.
- Amir Mamat. (2024). Melaka dalam proses warta ajaran GISBH sebagai sesat. *Berita Harian*, 21 September.
- al-Ash'arī, Abū al-Ḥasan. (1955). *Kitāb al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'*. Sunt. Ḥamūdah Gharābah. Kaherah: Matba'ah Miṣr.
- al-Ash'arī, Abū al-Ḥasan 'Alī bin Ismā'īl. (2009). *Maqālāt al-Islāmiyyin wa Ikhtilāf al-Muṣallin*. Jil. 1-2. Ṣayda, Lubnan: al-Maktabah al-'Aṣriyyah.
- al-Ash'arī, Abū al-Ḥasan 'Alī bin Ismā'īl. (t.th). *Al-Ibānah 'an Uṣūl al-Diyānah*. Beirut: Dār Ibn Zaydun.
- Ashaari Muhammad. (1986). *Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam: Sekaligus Menjawab Tuduhan*. Kg. Sungai Penchala, Kuala Lumpur: Penerangan Al Arqam.
- Ashaari Muhammad. (1989). *Berhati-hati Membuat Tuduhan*. Kg. Sungai Penchala, Kuala Lumpur: Penerangan Al Arqam.
- al-'Aydārūs, 'Abd al-Qādir bin Shaykh al-Ḥusaynī. (2001). *Al-Nūr al-Sāfir 'an Akhbār al-Qarn al-'Āshir*. Sunt. Aḥmad Halu, Maḥmūd al-Arna'ūt & Akram al-Būshī. Beirut: Dār Ṣādir.
- al-Baghdādī, Abū Maṣṣūr 'Abd al-Qāhir bin Ṭāhir. (1988). *Al-Farq bayn al-Firaq wa Bayān al-Firqaq al-Nājiyah minhum*. Sunt. Muḥammad 'Uthmān al-Khusht. Kaherah: Maktabah Ibn Sīnā.
- al-Baghdādī, Abū Maṣṣūr 'Abd al-Qāhir bin Ṭāhir al-Tamimī. (2002). *Uṣūl al-Dīn*. Sunt. Aḥmad Shams al-Dīn. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Bahagian Hal Ehwal Islam. (1991). *Penjelasan Terhadap Buku Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam*. Cet. ke-4. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

- Berger, J. M. (2006). *The Siege At Mecca: A Sourcebook for Researchers*. t.tp.: Intelwire Press.
- Berita Harian* (Singapura). (1994). Peripensis tiada kaitan dengan Arqam Malaysia. 29 Oktober.
- Berita Harian*. (2024). Polis selamatkan 402 kanak-kanak, remaja mangsa eksploitasi rumah amal, 171 ditahan termasuk ustaz. 11 September.
- Browne, Edward G. (pnyt.). (1891). *A Traveller's Narrative, Written to Illustrate the Episode of the Bab*. Jil. 1-2. Cambridge: Cambridge University Press.
- Browne, Edward G. (pnyt.). (1910). *Kitab-I Nuqtatu'l-Kaf, Being the Earliest History of the Babis Compiled by Hajji Mirza Jani of Kashan Between the Years AD. 1850 and 1852*. Leiden: E. J. Brill.
- Browne, Edward G. (pnys). (1918). *Materials for the Study of Babi Religion*. Cambridge: Cambridge University Press.
- al-Dahlawī, Shāh 'Abd al-'Azīz bin Shāh Waliyy Allah. (1373H). *Mukhtaṣar al-Tuḥfat al-Ithna 'Ashariyyah*. Diringkaskan oleh Sayyid Maḥmūd Shukrī al-Ālūsī. Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Fadlullah As Suhaimi. (1981). *Manaqib Syeikh Muhammad As Suhaimi*. Terj. Masyhudi Ali. Singapura.
- Fahmy A Rosli. (2024). Pahang fatwa GISBH sesat, *Berita Harian*, 5 Oktober.
- Farahwahida Mohd Yusof. (2007). *Al-Arqam & Ajaran Aurad Muhammadiyah: Satu Penilaian*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Fyzee, Asaf A. A. (1942). *A Shi'ite Creed: A Translation of Risālatu'l-I'tiqādāt of Muhammad bin Ali bin Bawabayhi al-Qummi Known as Shaykh Saduq*. London: Oxford University Press.
- al-Ghazālī, Muḥammad Abū Hāmid. (2003). *Al-Iqtisād fī al-I'tiqād*. Sunt. Inṣāf Ramaḍan. Damsyik: Dār Qutaybah.
- Hidayatidayu Razali. (2024). Kelantan isytihar GISBH sesat jika menyamai, lanjutan Al-Arqam. *Berita Harian*, 21 September.
- al-Isfahānī, al-Hāfiz Abū Nu'aym. (1987). *Kitāb al-Imamāh wa al-Radd 'ala al-Rāfiḍah*. Sunt. 'Alī bin Muḥammad al-Fuqayhī. Silsilah 'Aqā'id al-Salaf. Madinah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥukm.
- al-Jilānī, 'Abd al-Qādir bin Mūsā. (1996). *Al-Ghunyah li Ṭālib Ṭariq al-Ḥaqq 'Azza wa Jalla*. Jil. 1-2. Beirut: Dār Ihyā al-Turath al-'Arabī.
- Johor. (2007). Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, 26 Julai. (Syarikat Rufaqa).
- al-Juwaynī, Imām al-Ḥaramayn. (2009). *Kitāb al-Irshād ilā Qawāṭi' al-Adillah fi Uṣūl al-I'tiqād*. Kaherah: Maktabah al-Thaqāah al-Dīniyyah.
- Kedah. (1994). Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri, 24 Julai.
- Kedah. (2007). Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri. Ajaran Dan Pegangan Ahli Jemaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC).
- Ibn Khaldūn, 'Abd al-Raḥmān. (1996). *Lubāb al-Muḥaṣṣal fi Uṣūl al-Dīn*. Iskandariah: Dār al-Ma'rifah al-Jāmi'iyyah.
- Ibn Khaldūn, 'Abd al-Raḥmān. (2004). *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. Sunt. 'Abd Allah Muḥammad al-Darwish. Jil. 1-2. Damsyik: Dār Ya'rub.
- Ibn Khallikan, Abū al-'Abbās Shams al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad. (1977). *Wafayāt al-A'yān wa Anbā' Abnā' al-Zamān*. Sunt. Ihsān 'Abbās. Jil. 1-8. Beirut: Dār Ṣādir.
- al-Kulaynī, Muḥammad bin Ya'qūb. (2007). *Al-Kāfi*. Jil. 1-7. Beirut: Manshūrāt al-Fajr.
- Latifah Arifin. (2024). Pulau Pinang putuskan fatwa mengenai GISBH selepas MKI bersidang. *Berita Harian*, 24 September.

- Majelis Ulama Indonesia. (1994). Fatwa Darul Arqam, 13 Ogos.
- al-Majlisī, Muḥammad Bāqir. (1983). *Biḥār al-Anwār al-Jāmi'ah li Durar Akhbār al-A'imma al-Athār*. Jil. 1-110. Cet. ke-3. Beirut: Dār Ihyā al-Turath al-'Arabī.
- Malaysia. (1986). Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI). (Buku Aurad Muhammadiyah).
- Malaysia. (1988). Enakmen Pentabdiran Hukum Syarak 1952, Fatwa di Bawah Seksyen 41. *Warta Kerajaan* 32(24).
- Malaysia. (1994). Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI). (Fatwa Al-Arqam) dan (Kumpulan Al-Arqam Pimpinan Haji Ashaari Muhammad).
- Malaysia. (2006). Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-75, 12 September. (Usaha-Usaha Menghidupkan Semula Al-Arqam Melalui Syarikat Rufaqa Corporation Sdn. Bhd. dan Lain-Lain Syarikat).
- Malaysia. (2007). Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1993), Fatwa di Bawah Seksyen 34. *Warta Kerajaan* 51(11).
- Malaysia. 2024. Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-125, 20-22 Rabiulawal 1446 bersamaan 24-26 September 2024. Kajian Isu-Isu Akidah, Syariah dan Akhlak/Tasawuf dalam GISB Holdings Sdn Bhd. (GISBH).
- Md. Taha Suhaimi. (1996). *Jawapan Bagi Tuduhan-Tuduhan Terhadap Sejarah Hidup Syeikh Muhammad As-Suhaimi Dan Aurad Muhammadiyah*. Singapura: PERIPENSIS.
- Melaka. (1994). Keputusan Jawatankuasa Fatwa (Kumpulan Al-Arqam Dan Aurad Muhammadiyah).
- Melaka. (2006). Keputusan Jawatankuasa Fatwa. (Usaha-usaha Menghidupkan Semula Al-Arqam Melalui Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) Dan Rangkaian Syarikat Gabungannya).
- Mirza Bashir-ud-Din, Mahmud Ahmad. (1924). *The Ahmadiyya Movement*. Qadian: A Smedley, Manager.
- Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah, Muhammad Yosef Niteh, Aminudin Basir@Ahmad, Mohd Shairawi Mohd Noor & Muhammad Fakhur Razi Shahabudin. 2023. Amalan *istitabah* dalam pelaksanaan pemulihan akidah di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam* 16(1): 1-8.
- Mohd Yunus Yakkub. (2024). Ahli GISBH percaya Abuya tidak mati, mayat terapung – JAIS. *Kosmo*, 2 Oktober.
- al-Mufīd, Abū 'Abd Allah Muḥammad bin Muḥammad al-'Ukbarī al-Baghdādī. (1995). *Al-Irshād fī Ma'rifat Hujaj Allah 'alā al-'Ibād*. Jil. 1-2. Beirut: Mu'assasāt Āli Bayt Alayhim al-Salām li Ihyā' al-Turath.
- Muhammad Ali. (2008). *The Founder of the Ahmadiyya Movement: A Short Study of the life of Hazrat Mirza Ghulam Ahmad*. Wembley: Ahmadiyya Anjuman Lahore Publications.
- Muhammad Ali. (t.th). *The Ahmadiyya Doctrines*. Lahore: Ahmadiyya Anjuman Isha'at-i-Islam.
- al-Nadwī, Abū al-Ḥasan 'Alī al-Ḥasanī. (1990). *Sūratān Mutaḥaddatan 'inda Ahl al-Sunnah wa al-Shī'ah al-Imāmiyyah*. Jedah: Dār al-Bashīr.
- Nahdlatul Ulama. (1994). Keputusan Pengurus Besar Syuriah Nahdatul Ulama Tentang Aqidah Darul Arqam, 12 Ogos.

- Negeri Sembilan. (1994). Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991, Enakmen No. 1. *Warta Kerajaan*.
- Negeri Sembilan. (2016). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen No. 10. *Warta Kerajaan*.
- Ni'mah Hj Ismail Umar. (1994). The Life and Thoughts of Shaykh Muhammad Fadlullah Suhaimi. Tesis Sarjana. University of Edinburgh.
- Norzamira Che Noh. (2024). Sultan Selangor perkenan fatwa GISBH, rangkaiannya menyeleweng akidah Islam sebenar. *Berita Harian*, 4 Oktober.
- Nur Islam. (1986). Ziarah Tokoh Ulama dan Makam Khalifah Syeikh Suhaimi. *Al-Arqaam* 11(4).
- Omar Ahmad. (2024). Ketetapan ajaran GISBH sesat bergantung kajian, fatwa - EXCO Agama Islam Johor. *Berita Harian*, 21 September.
- Pahang. (1988). Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (Enakmen No. 8 tahun 1982), Fatwa di Bawah Seksyen 38(3).
- Pahang. (1994). Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, Pengubahsuaian Fatwa di Bawah Seksyen 38.
- Perak. (1994). Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam 1965, Pemberitahuan Fatwa di Bawah Seksyen 42(2). *Warta Kerajaan* 47(17).
- Pulau Pinang. (2007). Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada 29 Januari. Fatwa Mengenai Pengharaman Usaha-usaha Menghidupkan Semula Al-Arqaam Melalui Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) Dan Rangkaian Syarikat Gabungannya.
- Ibn al-Qaṭṭān, Abū Muḥammad Ḥasan bin 'Alī al-Murrakushī. (1990). *Nuzum al-Juman li Tartib Ma Salafa min Akhbār al-Zamān*. Sunt. Maḥmūd 'Alī Makkī. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- al-Rāzī, Fakhr al-Din. (1982). *I'tiqadat Firqah al-Muslimin wa al-Mushrikin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Sabah. (1994). Keputusan Jawatankuasa Undang-Undang Majlis Fatwa, Seksyen 11(2) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1977.
- Sabah. (2007). Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Sabah, Bil 3/2006, 13 Disember 2006. Usaha-usaha Menghidupkan Semula Al-Arqaam Melalui Syarikat Rufaqa Sdn. Bhd. (SRC) dan Rangkaian Syarikatnya (Sabah).
- Sarawak. (1994). Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali ke 5, 22 Julai.
- Sarawak. (2006). Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Kesebelas, 1 Disember. (Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (Bekas Pengikut Kumpulan Darul Arqaam).
- Selangor. (1994). Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Pindaan Fatwa tentang Fahaman dan Ajaran yang Dipegang oleh Kumpulan Al-Arqaam Pimpinan Haji Ashaari Muhammad. *Warta Kerajaan* 17(16).
- al-Shahrastani, Abu al-Fath Muhammad bin 'Abd al-Karim. (1992). *Al-Milal wa al-Nihal*. Sunt. Muhammad, Ahmad Fahmi. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad bin al-Khatib. (1997). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Jil. 1-4. Beirut: Dar al-Ma'rifat.
- Siti Aishah Samudin & Amer Basyer Mohd Zaim. 2025. Kajian kes ajaran sesat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Pengajian Islam* 18(1): 56-82.
- al-Subki, Taj al-Din Abu Nasr 'Abd al-Wahhab bin 'Ali. (1964). *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*. Sunt. Mahmud Muhammad al-Tanahi & 'Abd al-Fattah Muhammad al-Hilw. Kaherah: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi.

- al-Taftazani, Abu al-Wafa al-Ghanimi. (1979). *'Ilm al-Kalam wa Ba'd Mushkilatuh*. Kaherah: Dar al-Thaqafah.
- Taha Suhaimi (pnyt.). (1990). *Sejarah Hidup Syeikh Muhammad Suhaimi*. Ed. ke-2. Singapura: PERIPENSIS.
- Tuty Haryanti Ahmad Rodzi. (2024). GISBH: Jawatankuasa Fatwa MKI sudah ada pandangan mengenai hukum. *Berita Harian*, 5 Oktober.
- Ibn Taymiyyah, Abu al-'Abbas Taqiyy al-Din Ahmad bin 'Abd al-Halim. (1986). *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyah*. Sunt. Salim, Muhhamad Rashad. Mekah: Jami'ah al-Imam Muhammad Ibn Sa'ud al-Islamiyyah.
- Terengganu. (1988). Keputusan Jawatankuasa Ulama (Buku Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam), 15 Mac 1987.
- Terengganu. (1994). Keputusan Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, Seksyen 25 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986.
- Terengganu. (1995). Keputusan Jawatankuasa Fatwa (Senarai Bahan-Bahan Penerbitan Al-Arqam Yang Digazetkan Haram).
- Terengganu. (2006). Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu Kali Keenam Penggal Ketujuh, 29 November. (Fatwa Terhadap Usaha-Usaha Menghidupkan Semula Al-Arqam).
- Terengganu. (2007). Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu. Syarikat Rufaqa' Corporation Dan Rangkaian Syarikat Gabungannya (SRC).
- Trofimov, Yaroslav. (2007). *The Siege of Mecca: The Forgotten Uprising in Islam's Holiest Shrine*. London: Penguin Books.
- Wan Mohd. Saghir Abdullah. (2005). Sanad Keilmuan Syeikh Ahmad al-Fathani dan Ulama di Selangor. Kertas Kerja Wacana Siri ke-3 Sanad Keilmuan Syeikh Ahmad al-Fathani dengan Ulama Selangor, 29 Mei, Masjid Bandar Baru Sungai Buloh.
- Zatul Iffah Zolkipli. (2024). Terengganu akan ikut langkah Perlis fatwakan ajaran GISBH sesat. *Berita Harian*, 20 September.